

Headline **Umat Islam terima bantuan badan gereja undang kontroversi**
Date **06 Aug 2011**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **30**
Article Size **231 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **6,542**
PRValue **19,627**



Minda Pengarang

Umat Islam terima bantuan badan gereja undang kontroversi

SERBUAN ke atas Gereja Methodist Damansara Utama, Petaling Jaya oleh penguat kuasa Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), malam Rabu lalu mendapati 12 orang beragama Islam turut menghadiri majlis makan malam di dewan gereja berkenaan. Walaupun majlis itu dikatakan tidak mempunyai kaitan agama, tindakan pengunjurnya, Harapan Komuniti mengadakan majlis berkenaan di gereja, pastinya menimbulkan tanda tanya. Masyarakat Islam sukar menerima walaupun acara itu dikatakan sebagai majlis kesyukuran bagi meraikan kerja amal yang berjaya dilaksanakan untuk membantu wanita, kanak-kanak, pesakit HIV/Aids dan mangsa bencana alam. Apatah lagi apabila seorang daripada hadirin beragama Islam memberitahu akhbar

ini beliau hadir ke majlis berkenaan kerana terhutang budi selepas menerima bantuan kewangan sehingga RM20,000 daripada badan amal terbabit. Menurut penerima bantuan itu, lebih 100 ibu tunggal beragama Islam turut dibantu kumpulan sama. Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal-Ehwal Islam Selangor, Datuk Dr Hasan Ali mendakwa ada bukti kegiatan penyebaran agama lain terhadap umat Islam berlaku pada majlis berkenaan, lantas menyalahi undang-undang. Namun kenyataan Ahli Exco kerajaan Selangor itu hanya berdasarkan siasatan awal dan sebenarnya tidak wajar ditimbulkan beliau sebelum siasatan selesai sepenuhnya.

Apa yang menjadi persoalan ialah mengapa mereka yang beragama Islam itu ter-

lalu terdesak sehingga terpaksa menerima bantuan daripada badan bukan Islam yang mempunyai kaitan dengan gereja. Apakah sudah tiada badan amal Islam atau kerajaan Selangor sendiri tidak mampu menghulur bantuan kepada golongan ini. Kita tidak mahu menidakkan kesediaan usaha badan amal bukan Islam ini membantu mereka yang dalam kesusahan. Usaha murni kumpulan ini untuk membantu semua golongan, termasuk umat Islam sepatutnya dipuji. Namun, oleh kerana badan ini berkait dengan agama tertentu, prasangka buruk terhadap usaha mereka memang tidak dapat dielakkan. Seharusnya badan amal Islam atau kerajaan negeri sendiri tampil lebih awal membantu golongan terdesak ini dan tidak membiarkan mereka merana sehingga

terpaksa menerima saja bantuan daripada mana-mana pihak. Kerajaan Selangor yang diterajui pembangkang harus mewujudkan mekanisme tertentu bagi golongan terdesak ini mengadu nasib dan jika layak mendapat bantuan daripadanya atau mana-mana badan amal Islam. Kita tidak mahu melihat pemimpin apabila sudah dipilih rakyat, terlalu asyik bermain politik untuk mengekalkan kuasa sehingga mengabaikan kebajikan rakyat. Dalam hal ini, kita berpendapat kerajaan Selangor harus bertanggungjawab mengesan dan membantu lebih 100 ibu tunggal beragama Islam yang didakwa turut menerima bantuan badan amal bukan Islam itu. Ia harus bertindak lebih proaktif dan tidak menunggu maklumat bagi melakukan serbuan saja.